

## KATA GANTI DIRI DALAM SURAH ‘ABASA MENURUT ‘INAYATULLAH SUBHANI

Arif Amin bin Rushihi (Corresponding author)

Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah  
33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

E-mail: [arifamin@usas.edu.my](mailto:arifamin@usas.edu.my)

Mohamad Faizal bin Abdul Rahman

Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah  
33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia  
E-mail: [mohamadfaizal@usas.edu.my](mailto:mohamadfaizal@usas.edu.my)

Munazzahah binti Zulkifli

Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah  
33000 Kuala Kangsar Perak, Malaysia  
E-mail: [munazzahah@usas.edu.my](mailto:munazzahah@usas.edu.my)

---

### Abstrak

Terdapat banyak ayat Al-Quran yang memuji akhlak mulia Nabi Muhammad s.a.w. Walau bagaimanapun, hal ini tampak kontradik apabila membaca tafsiran ayat pertama surah ‘Abasa. Baginda s.a.w diriwayatkan bermasam muka kepada Abdullah bin Ummi Maktum iaitu seorang lelaki buta berbanding ketika baginda berdakwah kepada para pembesar kafir Quraisy. Majoriti ahli tafsir menetapkan bahawa kata ganti diri dalam ayat pertama surah ‘Abasa merujuk kepada Nabi Muhammad s.a.w. Pendapat ini dinilai semula oleh Muhammad ‘Inayatullah Asad Subhani. Justeru, kajian ini akan meninjau dan menganalisis penghujahan beliau berkaitan tafsir ayat pertama surah ‘Abasa melalui karyanya ‘*Aqd al-Juman fi Taqwim Tadabbur Al-Quran*. Kajian ini menggunakan metode normatif, metode komparatif dan metode analisis kandungan secara deduktif dan induktif. Pengkaji merumuskan bahawa terdapat tujuh penghujahan oleh ‘Inayatullah Subhani dalam menafikan *fa’il* (pelaku) dalam ayat pertama surah ‘Abasa adalah Rasulullah s.a.w. Beliau sebaliknya menetapkan bahawa yang bermasam muka dan berpaling diri daripada lelaki buta itu adalah para pembesar kafir Quraisy. Oleh itu, kajian ini membuka ruang untuk mengkaji pemikiran ‘Inayatullah Subhani dalam penafsirannya serta dapat mengkaji secara kritis riwayat-riwayat berkaitan *asbab al-nuzul*.

**Kata kunci:** Kata Ganti Diri, Surah ‘Abasa, Bermasam Muka, ‘Inayatullah Subhani, Asbab Al-Nuzul

### Abstract

There are many Quranic verses praising the noble traits of Prophet Muhammad s.a.w. However, the interpretation of the first verse of surah 'Abasa contradicts with those noble traits of the Prophet Muhammad s.a.w. It is narrated that the Prophet s.a.w showed a frown face while

preaching at Abdullah bin Ummi Maktum, a blind man as compared to the Quraish infidel leaders. The majority of *mufassirs* quoted that the personal pronoun in the first verse of surah 'Abasa refers to the Prophet Muhammad s.a.w. This view, however, was re-evaluated by Muhammad 'Inayatullah Subhani. Thus, this study review and analyse his arguments related to the interpretation of the first verse of surah 'Abasa through his work '*Aqd al-Juman fi Taqwim Tadabbur Al-Quran*. This study used documentation methods which are normative, comparative, deductive and inductive content analysis. The researcher concluded that 'Inayatullah Subhani has made seven arguments in denying Rasulullah s.a.w as the *fa'il* (perpetrator) in the first verse of Surah 'Abasa. Instead, he referred the infidel leaders of Quraish as the ones who frowned to the blind man. This study subjects to expand in examining the thoughts of 'Inayatullah Subhani in his Quran interpretation works as well as to be able to critically examine the narrations related to *asbab al-nuzul*.

**Keywords:** Personal Pronoun, Surah 'Abasa, frowned face, 'Inayatullah Subhani, *Asbab Al-Nuzul*

---

## Pendahuluan

Kajian ini bertitik tolak daripada potongan firman Allah SWT dalam surah 'Abasa ayat 1-2:

عَبَسَ وَتَوَلَّ أَنْ جَاءَهُ الْأَعْمَىٰ

Secara eksplisit, ayat di atas menghabarkan ada seseorang telah bermasam muka dan berpaling kerana telah didatangi seorang lelaki buta. Perkataan '*abasa*' (عبَسَ) bererti telah bermasam muka dan menzahirkan perasaan marah. Manakala perkataan *tawalla* (تَوَلَّ) pula pada asalnya bererti mengalihkan diri dari tempatnya ke tempat yang lain. Ia kemudianya digunakan secara *isti'arah* dengan makna "tidak mengambil perhatian terhadap ucapan atau kehadiran seseorang" (Ibn Asyur, 1997).

Persoalan yang timbul, siapakah yang telah bermasam muka dan berpaling diri seperti yang dimaksudkan dalam ayat tersebut? Dengan kata lain, siapakah *fa'il* (pelaku) bagi kedua-dua *fi'il* (kata kerja) iaitu '*abasa* dan *tawalla* bagi ayat pertama surah 'Abasa? Memandangkan ayat Al-Quran di atas tidak menyatakan hal ini secara sarih, maka kebanyakan ahli tafsir telah merujuk kepada riwayat-riwayat *asbab al-nuzul* yang dapat membantu bagi memahami gambaran tentang situasi turunnya surah 'Abasa.

Contohnya seperti riwayat yang dinukilkan oleh Al-Baihaqi, bahawa sekumpulan elit dalam kalangan pembesar-pembesar Quraisy telah datang bertemu Nabi Muhammad s.a.w. Mereka antaranya Ubay bin Khalaf, 'Utbah bin Rabi'ah, Abu Jahal dan lain-lain. Maka Rasulullah s.a.w. pun berdakwah; menyampaikan kepada mereka tentang iman dan mendorong mereka agar memeluk Islam. Rasulullah s.a.w. sejak mula lagi, sentiasa berusaha dan menginginkan mereka (yakni para pembesar itu) agar beriman. Hal ini kerana dengan keimanan mereka, akan menyebabkan orang ramai akan turut beriman. Ketika mana Rasulullah s.a.w. disibukkan dengan (berdakwah kepada) mereka, tiba-tiba datang Abdullah bin Ummi Maktum iaitu seorang lelaki buta dan di kalangan yang terawal memeluk Islam. Beliau meminta agar Rasulullah s.a.w. membacakan kepadanya (ayat-ayat Al-Quran) sambil berkata: "Bacakanlah untukku ini dan ini... ajarkanlah aku wahai Rasulullah..."

Rasulullah s.a.w. dalam keadaan itu mengharapkan agar Abdullah bin Ummi Maktum menunggu sedikit waktu agar Baginda dapat melaksanakan tugasannya (berdakwah kepada para pembesar Quraisy). Maka Rasulullah s.a.w. telah berpaling, mengalih wajah, bermasam muka, enggan berbicara dengan (Ibnu Ummi Maktum) dan pergi menyambut orang lain. Maka Allah SWT pun menurunkan ayat-ayat ini (Al-Qadhi, 2007). Riwayat seperti ini turut direkodkan oleh Al-Tabari, Al-Qurtubi dan Ibnu Kathir dalam tafsir mereka dengan lafaz yang hampir sama.

Berdasarkan riwayat di atas, secara sarih menyatakan bahawa yang bermasam muka dan berpaling diri seperti yang dimaksudkan dalam ayat pertama surah ‘Abasa adalah Nabi Muhammad s.a.w. Menurut Ibnu Hajar Al-‘Asqalani, hal ini langsung tidak menjadi perselisihan di kalangan para salaf melainkan Al-Dawudi yang menganggap tafsiran ini pelik. Beliau menafsirkan *fa’il* (pelaku) nya adalah orang kafir (Al-‘Asqalani, 2000).

Walaubagaimanapun, para ahli tafsir seperti Al-Tabari, Al-Razi, Ibnu Juzai, Al-Qurtubi dan Ibnu Kathir langsung tidak mengisyaratkan pandangan yang lain tentang *fa’il* (pelaku) bagi ayat pertama surah ‘Abasa selain daripada Rasulullah s.a.w. Hal ini seolah-olah menjadi kesepakatan dalam kalangan ahli tafsir seperti yang didakwa oleh Al-Razi dan Al-Qurtubi.

Justeru, kajian ini akan membentang dan menganalisis pandangan ‘Inayatullah Subhani berkaitan ayat pertama surah ‘Abasa. Makalah ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu (1) biodata ringkas ‘Inayatullah Subhani, (2) tafsiran beliau terhadap ayat pertama surah ‘Abasa (3) analisis penghujahan ‘Inayatullah Subhani (4) kajian terhadap riwayat *asbab al-nuzul*.

Kajian ini adalah signifikan kerana melibatkan isu-isu fundamental dalam tafsir dan hadith seperti aplikasi tafsir Al-Quran dengan Al-Quran, penghujahan *asbab al-nuzul*, kaedah berinteraksi dengan riwayat-riwayat yang berbeza dengan keseragaman Al-Quran, menilai periwayatan *asbab al-nuzul* dari aspek sanad serta matan dan lain-lain.

### **Biodata ‘Inayatullah Subhani**

Beliau adalah Prof. Dr. Muhammad ‘Inayatullah Asad Subhani, salah seorang tokoh tafsir dan ulum al-Quran. Lahir pada tahun 1944 di Gonda, India. Beliau telah menyempurnakan pengajian di peringkat M.A. dan PHD di Universiti Islam Al-Imam Muhammad bin Sa’ud di Riyadh, Arab Saudi. Beliau merupakan pengasas Fakulti Al-Quran Al-Karim di Universiti Islam Karala India dan menjawat pangkat dekan disana. Beliau juga pernah memegang jawatan yang sama di Jabatan Pengajian Islam di Universiti Semait, Tanzania.

Dalam salah satu kata pengantar bagi buku tulisan ‘Inayatullah Subhani, Prof Dr Ahmad Hassan Farhat merumuskan metodologi pemikiran ‘Inayatullah Subhani, antaranya seperti (1) menjadikan Al-Quran sebagai asal atau asas dalam semua aspek. Konsekuensinya, riwayat yang diterima adalah riwayat yang menepati asas Al-Quran manakala riwayat yang kontradik dengan asas ini hendaklah dinilai semula secara kritis. (2) Menjadikan usul Al-Quran sebagai pemberat (*murajjih*) ketika berinteraksi dengan kepelbagaiannya makna dalam sesebuah penafsiran Al-Quran. Justeru, beliau akan memetik seberapa banyak mungkin ayat-ayat Al-Quran yang terkait rapat dengan topik permasalahan, seterusnya memilih salah satu pendapat yang secocok dengan makna-makna yang telah dinyatakan oleh ayat-ayat al-Quran tadi. (3) Merujuk *mu’jam* bahasa yang otentik dan *mu’jam mufradat* Al-Quran serta meneliti

penggunaan setiap kosa katanya dalam syair-syair Arab. (4) Memahami setiap kosa kata dalam Al-Quran dengan memerhatikan penggunaannya sesuai dengan konteks (Subhani, 2021).

Ketokohan ‘Inayatullah Subhani tidak terbatas pada bidang tafsir dan ulum Al-Quran sahaja bahkan melangkaui ilmu-ilmu Islam yang lain seperti fiqh dan sirah. Dr Ahmad Al-Raisuni memuji analisis mendalam beliau berkaitan hukum terhadap penzina dalam Islam dengan mengemukakan perspektif-perspektif yang jarang disentuh oleh ilmuwan lain dengan berkata, “Inilah erti fiqh sebenar yang menurut saya adalah tugas asasi bagi seorang faqih (memiliki kefahaman yang mandalam) (Subhani, 2021).

Antara sikapnya yang paling menonjol adalah berani dan berterus-terang dalam menyatakan pendirian. Beliau tanpa apologetik menilai semula pendapat-pendapat klasik dan kontemporari, sama ada daripada tokoh-tokoh ilmuwan silam atau semasa. Menurut beliau sekiranya terdapat perbezaan antara beliau dengan ahli-ahli tafsir yang lain, hal demikian kerana perbezaan manhaj dan pendekatan bukan atas dasar perbezaan individu atau kelompok (Subhani, 2017).

‘Inayatullah Subhani juga menafikan jika pendekatan beliau difahami sebagai merendahkan atau meremehkan sumbangan para ulama terdahulu. Beliau sebaliknya menegaskan agar bersikap rendah diri, menghargai dan menghormati para ilmuwan silam atas sumbangan mereka. Justeru, tidak ada kontradik antara bersikap kritis dan menghormati para ilmuwan (Subhani, 2017).

### **Tafsir Ayat Pertama Surah ‘Abasa Menurut ‘Inayatullah Subhani**

Majoriti ahli tafsir menetapkan bahawa *fā’il* (pelaku) bagi *fi’il* (kata kerja) *a’basa* dan *tawalla* adalah merujuk kepada Rasulullah s.a.w. Justeru menurut mereka, Nabi Muhammad s.a.w. yang telah bermasam muka dan memalingkan diri daripada seorang lelaki buta iaitu Abdullah bin Ummi Maktum. Baginda s.a.w. ketika itu sedang sibuk menyampaikan dakwah kepada para pembesar Quraisy Mekah.

Pun begitu, pandangan ini tidak dipersetujui oleh ‘Inayatullah Subhani. Beliau menilai semula tafsiran ini seperti yang dimuatkan dalam buku beliau ‘Aqd al-Jaman fi Taqwim Tadabbur Al-Quran halaman 157 hingga 166 dibawah topik “Al-Quran tidak bercanggah antara suatu ayat dengan yang lain”. Menurut ‘Inayatullah Subhani tafsiran jumhur adalah kontradik dengan ayat-ayat Al-Quran yang lain berkaitan Rasulullah s.a.w. Justeru, ini menjadi dalil bahawa ianya *marjuh* (Subhani, 2016).

‘Inayatullah Subhani sebaliknya memberi tafsiran yang berbeza. Menurut beliau, *fa’il* (pelaku) bagi ayat pertama surah ‘Abasa adalah para pembesar kafir Quraisy. Manakala *dhamir hu* (kata ganti nama diri kedua) pada ayat kedua barulah merujuk kepada Rasulullah s.a.w. Maka, ayat pertama dan kedua surah ‘Abasa seharusnya ditafsirkan dengan makna:

“Telah bermasam muka dan berpaling (para pembesar kufar Quraisy) kerana telah datang kepadanya (yakni Rasulullah s.a.w.) seorang lelaki buta.”

Berdasarkan kenyataan ini, ‘Inayatullah Subhani bukan sahaja telah menetapkan bahawa pelaku pada ayat pertama surah ‘Abasa adalah Rasulullah s.a.w., bahkan secara tidak langsung telah menafikan pandangan majoriti ahli tafsir yang menafsirkan pelakunya adalah Rasulullah s.a.w. berdasarkan riwayat-riwayat *asbab al-nuzul*. Keberanian beliau mendorong pengkaji

untuk meneliti dan menganalisis penghujahan-penghujahan ‘Inayatullah Subhani berkaitan hal ini.

### Penghujahan ‘Inayatullah Subhani

Dalam topik ini, pengkaji merumuskan tujuh penghujahan ‘Inayatullah Subhani dalam menetapkan bahawa (1) *fa'il* (pelaku) pada ayat pertama surah ‘Abasa adalah para pembesar kafir Quraisy, dan (2) menafikan bahawa ayat pertama surah ‘Abasa ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. Berikut adalah penghujahan-penghujahan beliau:

#### **Pertama: Kontradik Dengan Sifat-Sifat Mulia Rasulullah S.A.W Dalam Al-Quran**

‘Inayatullah Subhani menukilkan kata-kata Al-Zabidi yang menggambarkan perkataan ‘*abasa* dengan keadaan seorang yang bermasam muka kerana sangat marah. Justeru, hal ini menimbulkan persoalan sejauhmana kesahihan bahawa Baginda s.a.w. berperilaku buruk dan memalukan sebegitu kepada seorang lelaki buta (Subhani, 2016).

Berikut adalah ayat-ayat Al-Quran yang menjadi asas kepada penghujahan beliau, seperti firmanNya dalam surah Al-Taubah ayat 128:

لَقَدْ جَاءُكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنْتُمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ

Menurut ‘Inayatullah Subhani, lafaz ‘*abasa* menggambarkan rupa yang buruk dan menggerunkan. Ia tidak wajar ditujukan kepada wajah Baginda s.a.w. yang mulia, sentiasa tersenyum dan mempesona. Allah SWT sendiri bersaksi betapa kasih dan rahmat Nabi Muhammad s.a.w. kepada umatnya (Subhani, 2016). Seterusnya, firman Allah SWT dalam surah Al-Qalam ayat 4:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Kata beliau, “Patutkah Allah SWT bersumpah bahawa Nabi Muhammad s.a.w. mempunyai akhlak yang agung sekiranya (Baginda) pun bermasam muka kepada seorang buta yang miskin? Orang yang bermasam muka kepada orang buta dan lemah tidak patut dikatakan berakhlak, apatahlagi ‘berakhlak agung’! (Subhani, 2016)

Berdasarkan kenyataan ini menunjukkan usaha ‘Inayatullah Subhani dalam menutup sebarang kemungkinan berlakunya kontradik antara ayat-ayat Al-Quran. Beliau juga telah menjadikan ayat Al-Quran saling menjelaskan antara satu sama lain. Justeru, tafsiran yang menyatakan Nabi s.a.w. bermasam muka dilihat kontradik dengan ayat-ayat Al-Quran yang mengagungkan akhlak mulia Baginda s.a.w. Hal ini diperkuatkan lagi dengan penggunaan partikel huruf *lam*, *qad* dan *inna* pada kedua-dua ayat tadi yang merupakan bentuk sumpah dan penegasan dalam retorika bahasa Arab.

## Kedua: Induktif Perkataan ‘Abasa Dan Tawalla Dalam Al-Quran Merujuk Kepada Kafir

‘Inayatullah Subhani meninjau aspek penggunaan lafaz ‘abasa dan tawalla dalam Al-Quran. Berikut adalah ayat-ayat Al-Quran berkaitan lafaz ‘abasa yang beliau petik, seperti firman Allah SWT dalam surah Al-Muddaththir ayat 18 hingga 23:

إِنَّهُ فَكَرَ وَقَدَرَ ، فَقُتِلَ كَيْفَ قَدَرَ ، ثُمَّ قُتِلَ كَيْفَ قَدَرَ ، ثُمَّ نَظَرَ ، ثُمَّ عَبَسَ وَبَسَرَ ، ثُمَّ أَدْبَرَ وَأَسْتَكَبَ

Berdasarkan ayat diatas, lafaz ‘abasa ditujukan kepada tokoh kafir iaitu Al-Walid bin Al-Mughirah. Lafaz ini digandingkan dengan lafaz basara yang menggambarkan makna kebencian, keras hati dan angkuh. (Subhani, 2016)

Seterusnya firman Allah SWT dalam surah Al-Insan ayat 10:

إِنَّا نَخَافُ مِنْ رَبِّنَا يَوْمًا عَبُوسًا قَمْطَرِيًّا

Pada ayat ini, lafaz ‘abusa digandingkan dengan lafaz qamtariira sehingga tergambar suatu peribadi yang sangat bermasam muka serta hati yang dipenuhi perasaan takut dan gementar dihari akhirat (Subhani, 2016). Berikut adalah ayat-ayat Al-Quran berkaitan lafaz tawalla yang beliau petik:

وَإِذَا تَوَلَّ سَعَى فِي الْأَرْضِ لِيُفْسِدَ فِيهَا وَيُهْلِكَ الْحَرَثَ وَالنَّسْلَ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الْفَسَادَ

(Surah Al-Baqarah: 205)

فَتَوَلَّ فِرْسَوْنَ فَجَمَعَ كَيْدَهُ، ثُمَّ أَتَى

(Surah Taha: 60)

أَفَرَءَيْتَ أَلَّذِي تَوَلَّ (33) وَأَعْطَى قَلِيلًا وَأَكْدَى

(Surah An-Najm: 33-34)

Berdasarkan tiga ayat di atas menunjukkan bahawa lafaz tawalla dalam Al-Quran ditujukan kepada Firaun dan para penjahat. Justeru, adakah sesuai lafaz seholoh ini ditujukan kepada Rasulullah S.A.W? Adakah patut kita lafazkan kepada Rasulullah S.A.W suatu perkataan yang sama seperti kita tujukan kepada Firaun dan konco-konconya?!” (Subhani, 2016)

Justeru, menurut ‘Inayatullah Subhani fa’il (pelaku) bagi ‘abasa dan tawalla bukanlah ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. Sebaliknya, ia ditujukan kepada para pembesar kafir Quraisy yang ketika itu sedang berdialog atau berdebat dengan Rasulullah s.a.w. (Subhani, 2016).

Mereka telah bermasam muka, memalingkan diri dan beredar ke tempat yang lain setelah melihat seorang lelaki buta mendatangi Rasulullah S.A.W. Hal ini tidak pelik kerana sikap mereka yang angkuh dan bongkak kerana tidak selesa melihat orang lemah serta kurang upaya. (Subhani, 2016)

Menurut pengamatan pengkaji, ‘Inayatullah Subhani telah melakukan kajian induktif terhadap penggunaan kalimat ‘abasa dan tawalla dalam Al-Quran. Hasil induktif menunjukkan bahawa kedua-dua kalimat tersebut digunakan bagi merujuk kepada golongan kafir sama ada Firaun, ahli neraka, pelaku kerosakan, penentang wahyu dan lain-lain. Justeru menafsirkan bahawa fa’il (pelaku) bagi ayat pertama surah ‘Abasa adalah golongan kafir lebih utama berbanding Nabi Muhammad S.A.W.

### **Ketiga: Keseragaman Penggunaan Kata Ganti Diri dalam Menegur Nabi Muhammad S.A.W Menurut Al-Quran**

Ayat pertama surah ‘Abasa datang dalam bentuk *dhamir ghaib* (kata ganti diri ketiga). Menurut majoriti ahli tafsir, hal ini menunjukkan kehalusan Al-Quran dalam menegur Nabi Muhammad s.a.w. (Al-Alusi).

Hal ini dinafikan oleh ‘Inayatullah Subhani. Menurut beliau, teguran yang menggunakan *dhamir ghaib* (kata ganti diri ketiga) sebenarnya bukanlah suatu yang lembut, bahkan sebuah pengingkaran dan teguran yang keras (Al-Alusi). Pendapat ini selari dengan pandangan Al-Zamakhsyari dan Ibnu ‘Atiyyah (Ibn Juzai Al-Kalbi, 1416 H).

Tambahan pula terdapat sekian banyak ayat Al-Quran yang menggunakan *dhamir mukhatab* (kata ganti diri kedua) dalam menegur Rasulullah s.a.w. Antara ayat-ayat tersebut adalah:

فَلَعْلَكَ بِخُّ نَقْسَكَ عَلَىٰ إِثْرِهِمْ إِنْ مَّ يُؤْمِنُوا هَذَا الْحَدِيثُ أَسَفًا

(Surah Al-Kahf: 6)

عَفَا اللَّهُ عَنْكَ لَمْ أَذِنْتَ لَهُمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكَ الظَّنِينَ صَدَقُوا وَتَعَلَّمَ الْكَذَبِينَ

(Surah At-Tawbah: 43)

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ لَمْ تُحِسِّنْ مَا أَحْلَلَ اللَّهُ لَكُ بَتَغْيِي مَرْضَاتَ أَزْوَاجِكَ وَاللَّهُ عَفُورٌ رَّحِيمٌ

(Surah At-Tahrîm: 1)

Berdasarkan kenyataan ini menunjukkan bahawa ‘Inayatullah Subhani telah menjadikan aspek keseragaman Al-Quran sebagai hujah dalam memperkuat pendapatnya. Beliau sekali lagi telah melakukan induktif terhadap ayat-ayat Al-Quran yang menegur Nabi Muhammad s.a.w. Hasil induktif menunjukkan bahawa Al-Quran menggunakan *dhamir mukhatab* (kata ganti kedua) dalam menegur Nabi Muhammad s.a.w. Ia adalah konsisten meliputi ayat-ayat *Makkiah* dan *Madaniah*.

Keseragaman Al-Quran dalam menggunakan *dhamir mukhatab* (kata ganti diri kedua) dalam menegur Nabi Muhammad s.a.w. memperkuat pendapat beliau bahawa ayat pertama surah ‘Abasa tidak ditujukan kepada Baginda s.a.w.

### **Keempat: Konteks Surah ‘Abasa Secara Keseluruhan Ditujukan Kepada Kafir**

Mengenalpasti konteks sesuatu surah membantu ahli tafsir dalam mentarjih tafsiran bagi sesebuah ayat. Menurut ‘Inayatullah Subhani, berdasarkan ayat-ayat dan lengkok bahasa dalam surah ‘Abasa menunjukkan bahawa sasaran surah ini ditujukan kepada golongan kafir. Berikut adalah ayat-ayat yang dimaksudkan:

أَمَّا مَنِ اسْتَعْنَى ، فَأَنْتَ لَهُ تَصَدِّى ، وَمَا عَلَيْكَ أَلَا يَنْزَكِ

(Surah `Abasa: 5-7)

كَلَّا إِنَّهَا تَذَكِّرَةٌ ، فَمَنْ شَاءَ دَكَرُهُ

(Surah `Abasa: 11-12)

قُتِلَ الْإِنْسَنُ مَا أَكْفَرَهُ، مِنْ أَيِّ شَيْءٍ حَلَقَهُ، مِنْ نُطْفَةٍ حَلَقَهُ، فَقَدَرَهُ، ثُمَّ الْسَّيِّلَ يَسَّرَهُ، ثُمَّ أَمَاتَهُ، فَأَفْبَرَهُ، ثُمَّ إِذَا شَاءَ أَنْشَرَهُ، كَلَّا لَمَّا يَقْضِ مَا أَمْرَهُ،

(Surah `Abasa: 17-23)

وَوُجُوهٌ يَوْمَئِنْ عَلَيْهَا غَيْرٌ، تَرَهُفُهَا قَتَّةٌ، أُولَئِكَ هُمُ الْكُفَّارُ الْمُفْجَرُونَ

(Surah `Abasa: 40-42)

Menurut pengkaji, ‘Inayatullah Subhani telah memanfaatkan ilmu munasabat dalam mengenalpasti konteks surah ‘Abasa. Ilmu munasabat adalah suatu ilmu bagi mengenalpasti hubungkait antara ayat-ayat Al-Quran (Abbas, 1997). Antara aspek yang dikaji dalam ilmu munasabat adalah hubungkait antara pembuka dan penutup surah (Al-Samiraie, 2016). Dengan mengaplikasikan ilmu ini, ‘Inayatullah Subhani telah berjaya membuktikan hubungkait antara pembuka dan penutup surah ‘Abasa, seterusnya konteks keseluruhan surah ini yang ditujukan kepada orang kafir.

### Kelima: Aspek Retorika Bahasa

Menurut ‘Inayatullah Subhani, *fa’il* (pelaku) bagi ayat pertama surah ‘Abasa merujuk kepada setiap individu di kalangan para pembesar kafir Quraisy, yang terlibat dalam dialog bersama Nabi Muhammad s.a.w. Penggunaan bentuk *mufrad* (tunggal) untuk bilangan yang ramai adalah gaya bahasa yang masyhur dalam bahasa Arab. Menurut aspek retorika, ia adalah suatu penekanan dan menambah kekuatan dalam sesuatu ucapan.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, penafsiran sesuatu ayat tidak terlepas daripada melihat keseluruhan konteks surah. Justeru, ‘Inayatullah Subhani turut menyentuh aspek retorika dalam ayat lima hingga sepuluh surah ‘Abasa. Berikut adalah ayat-ayat yang dimaksudkan:

أَمَّا مَنِ اسْتَعْنَى، فَأَنْتَ لَهُ تَصَدَّى، وَمَا عَلَيْكَ أَلَا يَزَّكِي، وَأَمَّا مَنْ جَاءَكَ يَسْعَى، وَهُوَ يَخْشَى، فَأَنْتَ عَنْهُ تَلَهَّى

(Surah `Abasa: 5-10)

Secara zahirnya ayat-ayat tersebut merujuk kepada Nabi Muhammad s.a.w. Ia adalah teguran yang keras dan tegas. Pun begitu, secara tersiratnya ia bukan ditujukan kepada Rasulullah s.a.w., sebaliknya kepada para pembesar Quraisy yang telah bermasam muka.

Menurut pengkaji, penghujahan ini disokong oleh retorika bahasa. Ia dinamakan sebagai *khitab ‘ain wa al-murad ghairuh* iaitu sesuatu ucapan ditujukan kepada seseorang namun yang dimaksudkan sebenarnya adalah orang lain. Menariknya, Al-Zarkasyi juga menjadikan ayat pertama surah ‘Abasa sebagai salah satu contoh bagi bentuk retorika ini. Menurut beliau, memahami ayat-ayat Al-Quran yang secara zahirnya menegur Nabi s.a.w., mengikut kaedah ini dapat menghilangkan kekeliruan berkaitan status kemaksuman Nabi Muhammad s.a.w. (Al-Zarkasyi, 2006).

## **Keenam: Konotasi Perkataan ‘Abasa Dan Tawalla Kepada Rasulullah S.A.W Adalah Canggung Mengikut Konteks Bahasa Dan Masa Penurunan**

Surah ‘Abasa dikategorikan sebagai salah satu surah *Makkiyah*. Ia turun dalam konteks dakwah Nabi Muhammad s.a.w. di Mekah, yang secara umumnya berhadapan dengan golongan musyrikin Quraisy. Sebelum turunnya surah ‘Abasa, Allah SWT telah menurunkan surah Al-Najm. Didalamnya terdapat sebuah ayat dimana Allah SWT bersaksi bahawa Rasulullah s.a.w. memiliki akhlak yang agung.

Berdasarkan fakta ini, ‘Inayatullah Subhani menimbulkan persoalan tentang sejauhmana kewajaran perbuatan Nabi s.a.w., kononnya Baginda telah bermasam muka dan berpaling diri daripada seorang lelaki buta, setelahmanya Allah SWT memuji dan bersaksi atas akhlaknya yang agung.

‘Inayatullah Subhani juga mempersoalkan, kesesuaian lafaz ‘*abasa* dan *tawalla* ditujukan kepada Nabi Muhammad s.a.w., sedangkan kedua-dua lafaz ini sebelumnya telah digunakan dalam Al-Quran merujuk kepada Firaun dan seumpamanya. Justeru, ia dilihat canggung menurut konteks bahasa. Hal ini kerana bahasa Arab yang kaya dengan kosa kata, pasti dapat mengungkapkan sesuatu lafaz secara tepat dan sesuai dengan makna yang terkandung.

Berdasarkan kenyataan ini, penulis mendapati bahawa ‘Inayatullah Subhani berhujah dengan aspek konotasi, iaitu melihat ketepatan dan kesesuaian penggunaan suatu perkataan mengikut konteks masa atau tempat. Aspek *makki madani*, *asbab al-nuzul* dan *munasabat al-nuzul* dapat membantu bagi mendapatkan gambaran tentang konteks masa dan tempat bagi sesuatu ayat atau surah yang diturunkan.

## **Ketujuh: Kritikan Terhadap Riwayat Asbab Al-Nuzul**

Menurut ‘Inayatullah Subhani lelaki buta dalam ayat tersebut tidak mempunyai sebarang hubungan dengan Rasulullah s.a.w. sebelumnya. Dia hanya baru datang bertemu Baginda s.a.w. pada hari tersebut buat kali pertama, kemudian dikurniakan dengan nikmat Islam. Rasulullah s.a.w. langsung tidak mengetahui bahawa dia datang untuk meminta hidayah dan untuk mensucikan diri.

Adapun sebahagian riwayat yang menyatakan bahawa dia meminta Nabi s.a.w. untuk membaca sepotong ayat daripada Al-Quran, atau berkata “Wahai Rasulullah, ajarkan aku apa yang Allah telah ajarkan kepadamu” atau berkata “Wahai Rasulullah, tunjukkan saya (jalan yang benar)” maka kesemua ini adalah penambahan daripada perawi tanpa adanya sanad yang sahih. Dan apa yang dinyatakan Al-Quran bukan seperti yang disebut dalam riwayat.

Menurut pengamatan pengkaji, ‘Inayatullah Subhani tidak secara sarih menetapkan atau menafikan kewujudan Abdullah bin Ummi Maktum dalam peristiwa turunnya surah ‘Abasa. Beliau juga telah menjadikan asas tafsiran Al-Quran, adalah dengan Al-Quran sendiri. Pada beliau, kontradiksi pada makna sesbuah riwayat dengan makna Al-Quran, sudah cukup menjadi sebab kepada penilaian semula sesuatu riwayat. Dalam konteks surah ‘Abasa, ‘Inayatullah Subhani telah menghukum riwayat-riwayatnya sebagai tidak sahih.

## Kajian Terhadap Riwayat Asbab Al-Nuzul

Menurut pengkaji, kritikan ‘Inayatullah Subhani terhadap riwayat *Asbab Al-Nuzul* lebih tertumpu kepada aspek matan. Ulasan beliau terhadap aspek sanad adalah ringkas. Justeru, pengkaji melakukan analisis terhadap aspek sanad bagi melengkapkan kajian. Seterusnya, pengkaji akan merumuskan dapatan daripada kajian terhadap riwayat-riwayat yang berkaitan.

Tinjauan mendapati bahawa riwayat berkaitan peristiwa Nabi s.a.w. bermasam muka tidak direkodkan dalam Sahih Al-Bukhari atau Sahih Muslim. Hal ini kerana riwayat tersebut tidak mencapai kriteria yang telah ditetapkan oleh kedua-dua kitab sahih itu. Walaubagaimanapun, riwayat ini terdapat dalam Muwatta’ Malik secara *mursal* iaitu daripada Hisyam bin ‘Urwah daripada ayahnya, ‘Urwah bin Al-Zubair iaitu seorang tabi’en. Berikut adalah riwayatnya (Abu Abdillah, 2013):

وَحَدَّثَنِي عَنْ مَالِكٍ، عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ، عَنْ أَبِيهِ، أَنَّهُ قَالَ: "أَنْزَلْتُ {عَبْسَ وَتَوَلَّ} فِي عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَمْ مَكْتُومٍ". جَاءَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَجَعَلَ يَقُولُ: يَا مُحَمَّدُ اسْتَدْنِنِي. وَعِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلٌ مِنْ عُظَمَاءِ الْمُشْرِكِينَ. فَجَعَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعْرِضُ عَنْهُ، وَيُقْبِلُ عَلَى الْآخِرِ، وَيَقُولُ: «يَا أَبَا قُلَانِ هَلْ تَرَى إِمَّا أَقُولُ بِأَسَاسًا؟» فَيَقُولُ: لَا وَالدِّيمَاءُ. مَا أَرَى إِمَّا تَقُولُ بِأَسَاسًا. فَأَنْزَلْتُ {عَبْسَ وَتَوَلَّ}، أَنْ جَاءَهُ الْأَعْمَى

Ia juga diriwayatkan dalam Sunan Al-Tirmizi secara *mauquf* iaitu daripada Hisyam bin ‘Urwah daripada ayahnya (‘Urwah bin Al-Zubair), daripada ‘Aisyah RA.

حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ يَحْيَى بْنُ سَعِيدِ الْأَمْوَيِّ، قَالَ: هَذَا مَا عَرَضْنَا عَلَى هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: أَنْزَلَ: {عَبْسَ وَتَوَلَّ} فِي أَبْنِ أَمْ مَكْتُومِ الْأَعْمَى، أَتَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَجَعَلَ يَقُولُ: يَا رَسُولُ اللَّهِ أَرْشِدْنِي، وَعِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلٌ مِنْ عُظَمَاءِ الْمُشْرِكِينَ، فَجَعَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعْرِضُ عَنْهُ وَيُقْبِلُ عَلَى الْآخِرِ، وَيَقُولُ: «أَتَرَى إِمَّا أَقُولُ بِأَسَاسًا؟» فَيَقُولُ: لَا، فَفِي هَذَا أَنْزَلَ

Berikut adalah komentar Al-Tirmizi berkaitan riwayat tersebut:

هَذَا حَدِيثٌ غَرِيبٌ وَرَوَى بَعْضُهُمْ هَذَا الْحَدِيثَ عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ، عَنْ أَبِيهِ، قَالَ: «أَنْزَلَ عَبْسَ وَتَوَلَّ فِي أَبْنِ أَمْ مَكْتُومِ» وَمَمْ يَدْكُرُ فِيهِ عَائِشَةَ

“Hadith ini *hasan gharib*. Sebahagian orang meriwayatkan hadith ini daripada Hisyam bin ‘Urwah daripada bapanya. Dia berkata, “Diturunkan ‘abasa watawalla kepada Ibn Ummi Maktum” tanpa menyebut dalam sanadnya Aisyah RA (Al-Tirmizi, 2009).

Dalam Al-‘Ilal Al-Saghir, Al-Tirmizi menjelaskan maksud istilah *hasan* dan *gharib* yang beliau gunakan, iaitu:

“Semua yang kami sebutkan dalam kitab ini hadith *hasan*, maka yang kami maksudkan adalah *hasan* pada isnadnya disisi kami. Setiap hadith yang diriwayatkan yang tidak terdapat dalam isnadnya seseorang yang ditohmah sebagai berdusta, hadisnya tidak *syaz*, diriwayatkan

bukan hanya satu *wajah* sahaja dan seumpamanya maka ia adalah hadith *hasan*.” (Al-Tirmizi, 2009)

Apa yang kami sebutkan dalam kitab ini sebagai hadith *gharib*, maka sebenarnya ahli hadith menganggap *gharib* terhadap hadith itu kerana beberapa makna. Antaranya (1) kerana ia tidak diriwayatkan kecuali menerusi satu *wajah* (jalan) (2) penambahan yang terdapat dalam matan hadith (3) hadith yang diriwayat menerusi pelbagai *wajah* yang banyak tetapi menjadi *gharib* kerana *isnadnya*.” (Al-Tirmizi, 2009)

Menurut Al-Daraqutni, yang sahih adalah riwayat Malik bin Anas, daripada selainnya, daripada Hisyam, daripada bapanya secara *mursal* (Al-Daraqutni, 1985). Dengan ini, riwayat secara *mauquf* daripada ‘Aisyah RA adalah tidak tepat menurut *nuqqad* hadith. Rumusan ini sama seperti yang dinyatakan oleh Ibnu Abd Al-Barr dalam Al-Tamhid. (Ibn Abd Al-Barr)

Al-Tabari membawa sebuah riwayat daripada Ibnu ‘Abbas RA, seperti berikut (Al-Tabari, 2000):

حدثني محمد بن سعد، قال: ثني أبي، قال: ثني عمي، قال: ثني أبي، عن أبيه، عن ابن عباس قوله: (عَبْسٌ وَتَوَلَّ أَنْ جَاءَهُ الْأَعْمَى) قال:

" بَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَنْاجِي عُتْبَةَ بْنَ رَبِيعَةَ وَأَبَا جَهَلَ بْنَ هَشَامَ وَالْعَبَاسَ بْنَ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ، وَكَانَ يَتَصَدّى لَهُمْ كَثِيرًا، وَيَعْرُضُ عَلَيْهِمْ أَنْ يُؤْمِنُوا، فَأَقْبَلَ إِلَيْهِ رَجُلٌ أَعْمَى يَقَالُ لَهُ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ أَمْمَ مَكْتُومٍ، يَمْشِي وَهُوَ يَنْاجِيهِمْ، فَجَعَلَ عَبْدُ اللَّهِ يَسْتَقْرِئُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ آيَةً مِنَ الْقُرْآنِ، وَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، عَلِمْتَنِي مَا عَلِمْتَ اللَّهُ، فَأَعْرَضْتَ عَنِّي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَعَبْسٌ فِي وَجْهِهِ وَتَوَلَّ، وَكَرِهَ كَلَامَهُ، وَأَقْبَلَ عَلَى الْآخَرِينَ؛ فَلَمَّا قَضَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَأَخْذَ يَنْقُلِبُ إِلَى أَهْلِهِ، أَمْسَكَ اللَّهُ بْعْضَ بَصْرَهُ، ثُمَّ حَقَقَ بِرَأْسِهِ، ثُمَّ أَنْزَلَ اللَّهُ: (عَبْسٌ وَتَوَلَّ أَنْ جَاءَهُ الْأَعْمَى وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّهُ يَزَّكِي أَوْ يَذَّكَّرُ فَتَنَفَّعَهُ الذِّكْرُ)

Menurut pengkaji, riwayat-riwayat yang dibawakan oleh ahli tafsir berlegar pada ‘Aisyah, ‘Urwah bin Al-Zubair dan Abdullah bin Abbas. Penilaian terhadap riwayat-riwayat tersebut mendapatkan bahawa:

- 1) Berlaku perbezaan terhadap status riwayat ‘Urwah, sama ada *mursal* atau disandarkan kepada Aisyah RA.
- 2) ‘Urwah bin Al-Zubair adalah tabi’in. Beliau tidak menyebut perawi yang menjadi perantaraan antara beliau dengan Rasulullah s.a.w., seperti dalam Al-Muwatta’.
- 3) Aisyah RA dan Abdullah bin Abbas RA tidak menyaksikan peristiwa tersebut. Hal ini kerana ketiadaan mereka di tempat kejadian dan usia yang masih muda. Justeru, ia dikategorikan sebagai *mursal sahabi*. (Al-Kheir Abadi, 2011)
- 4) Riwayat Aisyah RA dan ‘Urwah tidak secara sarih menyatakan Nabi Muhammad s.a.w. bermasam muka. Hal ini berbeza dengan riwayat Ibnu ‘Abbas yang lebih sarih menyatakan Baginda s.a.w. bermasam muka.

- 5) Riwayat Aisyah RA dan ‘Urwah tidak menyebut nama-nama pembesar kafir Quraisy. Sebaliknya, riwayat Ibnu Abbas RA telah memperinci nama-nama pembesar kafir Quraisy iaitu ‘Utbah bin Rabi’ah, Abu Jahal dan Al-‘Abbas bin Abdul Mutalib.
- 6) Kedua-dua riwayat tersebut dikategorikan sebagai *ahad* dan bersifat *zhanni* (spekulatif) pada aspek *thubut*. Ia tidak sebanding dengan riwayat-riwayat berkaitan akhlak mulia Nabi S.A.W yang *mutawatir* dan bersifat *qat’iy* (pasti) pada aspek *thubut*.
- 7) Para ulama telah berbeza pendapat tentang keperluan untuk melakukan semak silang antara riwayat *ahad* yang cukup syarat sahihnya dengan kandungan Al-Quran. Al-Syafie mengatakan tidak wajib manakala ‘Isa bin Aban mengatakan wajib. Perselisihan ini terdapat asal-usulnya dalam kalangan salaf (Al-Syatibi, 2005). Justeru, keperluan menilai semula riwayat Nabi s.a.w. bermasam muka adalah lebih utama kerana ia tidak mencukupi syarat sahih.
- 8) Semua riwayat sepakat bahawa lelaki buta yang dimaksudkan adalah Abdullah bin Ummi Maktum RA.
- 9) Menafikan Nabi s.a.w. bermasam muka terhadap Abdullah bin Ummi Maktum tidak bererti menyangkal bahawa Nabi s.a.w. telah disibukkan dengan berdakwah kepada para pembesar kafir Quraisy, seperti terkandung dalam ayat lima hingga sepuluh surah ‘Abasa. Bermasam muka dan berpaling diri kepada orang lemah adalah sifat yang jelek, manakala disibukkan dengan berdakwah kepada para pembesar adalah sifat mulia Rasulullah s.a.w. yang bersungguh-sungguh ketika menyampaikan Islam.

## Kesimpulan

Kajian ini merumuskan bahawa *fa’il* (pelaku) pada ayat pertama surah ‘Abasa adalah para pembesar kafir Quraisy dan menafikan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. bermasam muka kepada Abdullah bin Ummi Maktum. Pendapat ini berbeza dengan majoriti ahli tafsir yang menetapkan bahawa kata ganti diri dalam ayat pertama surah ‘Abasa merujuk kepada Nabi Muhammad s.a.w. Penghujahan mereka berdasarkan riwayat-riwayat *asbab al-nuzul* yang berlegar pada ‘Aisyah, ‘Urwah bin Al-Zubair dan Abdullah bin Abbas.

Pengkaji telah mengenalpasti dan menganalisis tujuh penghujahan ‘Inayatullah Subhani dalam hal ini. Kajian ini juga telah melakukan analisis terhadap riwayat *asbab al-nuzul* berkaitan ayat pertama surah ‘Abasa. Kajian ini terbatas kepada tafsiran ‘Inayatullah Subhani terhadap ayat pertama surah ‘Abasa. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar dilanjutkan kajian terhadap pemikiran ‘Inayatullah Subhani dalam tafsir secara menyeluruh dan melakukan kajian kritis terhadap riwayat-riwayat *asbab al-nuzul*.

## Rujukan

Abbas, Fadhl Hasan (1997) *Itqān Al-Burhān fī ‘Ulūm Al-Quran* Jordan: Dar Al-Furqan.

Abdul Fattah Abdul Ghani Al-Qadhi (2007) *Aṣbāb Al-Nuzūl ‘an Al-Sahābat wa Al-Mufassirīn* Mesir: Dar Al-Salam.

Al-‘Asqalani, Ibnu Hajar (2000) *Fath al-Bārī Syarh Sahīh Al-Bukhārī* Damsyiq: Dar al-Faiha’.

Al-Daraqutni, Abu Al-Hasan (1985) *Al-‘Ilal Al-Wāridah fi Al-Ahādīth Al-Nabawiyah* Riyadh: Dar Taybah.

Al-Kheir Abadi, Muhamad Abu Al-Laith (2011) *Ulūm Al-Hadīth Asiluha wa Muasiruhā* Selangor: Darul Syakir.

Al-Qurtubi, Syams Al-Din (1964) *Al-Jami’ li Ahkām Al-Quran* Kaherah: Dar Al-Kutub Al-Misriyah.

Al-Razi, Fakh Al-Din (1420H) *Mafātīh Al-Ghaib* Beirut: Dar Ihya’ Al-Turath Al-‘Arabi.

Al-Samiraie, Fadhil Saleh (2016) *Al-Tanāsub bayna Al-Suwar fī al-Muftatah wa al-Khawātim* Beirut: Dar Ibn Kathir.

Al-Syatibi, Abu Ishaq Ibrahim bin Musa (2005) *Al-Muwafaqāt fī Usūl Al-Syariāh* Lubnan: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyah.

Al-Tabari, Muhammad bin Jarir (2000) *Jāmi’ al-Bayān fī Ta’wīl Al-Quran* Muassasah Al-Risalah.

Al-Tirmizi, Abu Isa Muhammad bin Isa (2009) *Jamī’ Al-Tirmizi* Riyadh: Dar Al-Salam.

Al-Zarkasyi, Badr al-Din Muhammad bin Abdullah (2006) *Al-Burhān fī ‘Ulūm Al-Quran* Kaherah: Dar al-Hadith.

Ibn Abd Al-Barr, Yusuf bin Abdullah bin Muhammad (1387) *Al-Tamhīd limā fī al-Muwatta’ min Al-Ma’ani wa al-Asānid* Morocco: Wizarah ‘Umum Al-Awqaf.

Ibn Asyur, Muhammad Al-Tahir (1997) *Tafsir Al-Tahrīr wa Al-Tanwīr* Tunisia: Dar Suhnum.

Ibn Juzai Al-Kalbi, Abul Qasim Muhammad (1416 H) *Al-Tashil li ‘Ulūm Al-Tanzīl* Beirut: Dar Al-Arqam bin Abi Al-Arqam.

Malik bin Abas (2013), *Al-Muwatta’* Damascus: Muassasah Al-Risalah Nasyirun.

Subhani, ‘Inayatullah Asad (2016) ‘Aqd al-Juman fī Taqwīm Tadabbur Al-Quran Jordan: Dar Ammar.

Subhani, ‘Inayatullah Asad (2017) *Al-Tahrīr wa Al-Tahbīr fī Uṣūl Al-Tafsīr* Jordan: Dar ‘Ammar.

Subhani, ‘Inayatullah Asad (2021) ‘Uqbat al-Zina fī Al-Islam Jild bi La Taghrīb wa La Rajm Beirut: Dar Al-Nafais.